



Terjemahan The Children's Bible Explorer Series Epic of the Apostles Vol.2
Diterbitkan di Malaysia pada 2015 oleh Pristine World Sdn. Bhd

Hak Cipta © 2015 Pristine World Sdn. Bhd, Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman, imbasan, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Ayat-ayat Alkitab dipetik daripada ALKITAB BERITA BAIK. Hak cipta © 2001,
The Bible Society of Malaysia

Dicetak oleh Jess Concept

Kisah Rasul-Rasul Jilid 2 - Paulus dan Pengembaraan Penginjilan Terawal Isi Kandungan

Prakata *m/s 4*

Kata Pengantar Penulis *m/s 5*

Penyumbang *m/s 6*

A. Pengenalan kepada Watak-Watak Utama di dalam Kisah Rasul-Rasul Buku 2 *m/s 8*

B. Peta Perjalanan Paulus *m/s 12*

1. Pengembaraan Penginjilan Pertama *m/s 16*

2. Tawarikh Galatia – Menderita kerana Injil *m/s 25*

3. Pergolakan di Antiokhia dan Sidang Gereja Yerusalem *m/s 33*

4. Paulus Memulakan Perjalanan Penginjilan Kedua *m/s 41*

5. Dari Tesalonika ke Atena *m/s 51*

6. Paulus dan Umat Korintus *m/s 64*

7. Perjalanan Penginjilan Ketiga Paulus dan Tawarikh Efesus *m/s 72*

8. Dari Makedonia ke Yerusalem dan Surat untuk Roma *m/s 81*

9. Paulus ditangkap di Yerusalem *m/s 90*


10. Paulus diadili di hadapan Raja Agripa II *m/s 97*

11. Paulus karam di lautan *m/s 102*

12. Paulus – Tawanan di Roma *m/s 109*

13. Eplilog *m/s 118*

Rujuk *m/s 120*



1. Pengembaraan Penginjilan Pertama

Kisah Rasul-Rasul 13 Perjalanan penginjilan Barnabas dan Paulus yang pertama ke Gereja Antiokhia



Pada satu hari ketika pemimpin gereja Antiokhia sedang berdoa dan berpuasa...



Roh Kudus berfirman agar mereka mengasingkan Saulus dan Barnabus untuk sebuah perjalanan misi.

Jangka masa: Lebih kurang tahun 46 Masihi

Kisah Rasul-Rasul: 13
Bermula daripada Kisah Rasul-Rasul bab ke 13, kita akan memberikan tumpuan kepada kisah Paulus, gereja Antiokhia dan juga gereja-gereja di luar Israel. Pada ketika ini gereja di **Antiokhia, Siria** telah pun berkembang. Terdapat nabi dan guru-guru di kalangan pemimpin mereka. Mereka termasuklah Barnabas, Simeon, Saulus dari Tarsus, Lukius – dari Kirene dan Menahem – sahabat kanak-kanak kepada raja Herodes Antipas.

Pada satu hari ketika mereka sedang menyembah Tuhan dan berpuasa, Roh Kudus berfirman, "asingkan bagi-Ku Barnabas dan Saulus untuk pekerjaan yang telah-Ku sediakan untuk mereka." Selepas gereja dan para pemimpin berdoa dan berpuasa untuk beberapa waktu, mereka yakin bahawa Allah telah memanggil

Setelah berdoa, Gereja Antiokhia mengutus Barnabas dan Saulus bersama-sama dengan Yohanes Markus sebagai pembantu mereka.

Barnabas dan Saulus untuk sebuah perjalanan penginjilan istimewa ke daerah-daerah bukan Yahudi. Kita mendapatkan kisah tersebut di dalam Kisah Rasul-Rasul bab 13:4.

Kis 13:4 Barnabas dan Saulus pergi ke Seleukia, kerana diutus oleh Roh Allah. Dari sana mereka belayar ke pulau Siprus. ⁵Apabila mereka tiba di Salamis, mereka menyampaikan firman Allah di rumah ibadat orang Yahudi. Yohanes Markus menolong mereka dalam tugas itu.

Mereka menjelajah dari kota ke kota merentasi Siprus sehingga tiba di Pafos. Di situ mereka bertemu dengan seorang ahli sihir yang berbangsa Yahudi. Dia ialah nabi palsu yang bernama Bar-Yesus ataupun Elimas di dalam bahasa Yunani.

Elimas sangat rapat dengan Gabenor Sergius Paulus yang juga merupakan seorang lelaki bijak. Gabenor tersebut menjemput Barnabas dan Saulus untuk menziarahinya kerana berminat untuk mendengar pesanan Allah.

Elimas bimbang Gabenor tersebut akan mempercayai injil yang dikhotbahkan oleh Barnabas dan Saulus. Jika demikian, dia akan kehilangan pekerjaannya...

Oleh itu dia menghalang Barnabas dan Saulus dan mencuba meyakinkan Gabenor bahawa mereka membawa ajaran sesat. Dia sering mengganggu serta menentang semua yang dikatakan oleh Barnabas dan Saulus. Akhirnya Saulus yang dipenuhi dengan Roh Kudus memutuskan untuk bersemuka dengan Elimas.


Elimas sering menentang Saulus dan Barnabas.



Mereka belayar ke Siprus.



Mereka bertemu dengan Gabenor Sergius Paulus di Pafos, Siprus...



dan juga Elimas si ahli sihir Yahudi.





¹⁰"Kamu anak Iblis! Kamu musuh segala apa yang baik. Kamu penuh dengan tipu muslihat. Kamu berdusta mengenai ajaran tentang Tuhan!"

¹¹ Tuhan akan menghukum kamu sekarang juga. Kamu akan menjadi buta, dan tidak dapat melihat cahaya matahari untuk sementara waktu. "

Pada saat itu juga Elimas merasa kabus gelap menutupi matanya, sehingga dia berjalan sambil meraba-raba mencari orang yang dapat menuntunnya.



Elimas menjadi buta di hadapan mereka dan terpaksa dibantu. Gabenor Sergius melihat perkara tersebut. Ketika Saulus dan Barnabas mengongsikan injil kepadanya, dia diyakinkan oleh perkara yang dilihat dan didengarnya. Setelah itu dia menjadi percaya dan memanggil nama Allah.



Barnabas dan Saulus mendapat dorongan. Mereka menyadari bahawa Roh Kudus menguatkan mereka untuk mengongsikan Injil dengan nyata dan orang bukan Yahudi adalah lebih terbuka dan bersedia untuk menerima Injil berbanding dengan orang Yahudi.



Mereka memutuskan untuk meneruskan perjalanan, berkhotbah di daerah-daerah bukan Yahudi di serata empayar Roma. Saulus kemudiannya menggunakan nama Romanya iaitu Paulus.



"Barnabas, Markus, saya yakin kita harus meneruskan perjalanan di luar Siprus. Kita boleh menaiki kapal ke Perga dan membawa Injil ke Asia."

"Ya, saya sudah mengkajinya. Selepas berlabuh di Perga, kita mungkin akan ke Antiokhia ataupun Pisidia."

"Paulus, Siprus ialah kampung halaman ku. Saya kenal akan orang-orang di sini. Mereka sanggup untuk mendengar dan membantu kita. Asia ialah tanah asing. Kau pastikah kita patut ke sana?"

"Baiklah Paulus, jika kau rasakan inilah rancangan Roh Kudus untuk kita, saya akan turut serta."



"Kita harus bersedia untuk menderita kerana Injil."

"Sepupuku, kita tidak kenal kawasan tersebut. Saya dengar jalan ke pendalaman terutamanya ke Antiokhia Pisidia adalah sangat merbahaya. Terdapat ramai lanun yang merompak, memukul dan membunuh para pengembara."



Dia menjelaskan kepada hadirin yang terdiri daripada kedua-dua orang Yahudi dan juga yang bukan bahawa Allah telah memilih bangsa Israel untuk menunjukkan diri-Nya serta menjadi berkat kepada semua bangsa. Dia memberitahu mereka bagaimana kitab taurat dan para nabi telah menjanjikan kedatangan penyelamat daripada Allah yang berasal daripada keturunan Raja Daud.

Paulus menjelaskan, "orang yang tinggal di Yerusalem dan pemimpin-pemimpin mereka tidak mengenali Yesus sebagai Penyelamat yang telah dijanjikan oleh para nabi. Malahan, mereka mengutuk-Nya untuk mati di kayu salib dan perkara ini menjadikan kata-kata nabi sebagai kenyataan, seperti yang kita baca pada setiap hari Sabat.

Kis 13:29 Setelah mereka melakukan semua yang tertulis di dalam Alkitab tentang Dia, mereka menurunkan jenazah-Nya dari salib dan meletakkannya di dalam kubur.
30 Tetapi Allah membangkitkan Dia daripada kematian.
31 Kemudian selama beberapa hari Dia menampakkan diri kepada mereka yang dahulu berjalan bersama-sama Dia dari Galilea ke Yerusalem. Sekarang mereka menjadi saksi bagi-Nya kepada bangsa Israel."

Paulus menjelaskan tentang keselamatan dan Yesus Penyelamat ialah satu-satunya jalan pulang kepada Allah. Bukan itu sahaja, berita baik ini adalah untuk kedua-dua orang Yahudi dan juga yang bukan. *Kis 13:38-39* "Oleh itu, saudara-saudara, ketahuilah bahawa melalui Yesus berita tentang pengampunan dosa sudah disampaikan kepada saudara semua. Setiap orang yang percaya kepada-Nya dibebaskan daripada segala dosa yang tidak dapat dihapus oleh Taurat Musa."

Paulus memberitahu mereka bahawa Yesus ialah satu-satunya jalan kembali kepada Allah.




Paulus berkhotbah kepada orang Yahudi dan juga orang bukan Yahudi yang mempercayai Allah.



Dia mengongsikan injil kepada mereka.



Dia menjelaskan tentang kematian dan kebangkitan Yesus kepada mereka.



Mereka mengembara sehingga ke Antiokhia Pisidia.

Paulus dan Barnabas bertekad untuk masuk ke pedalaman dengan menggunakan jalan **Antiokhia Pisidia** yang berbahaya.

Pada hari Sabat, mereka datang ke Rumah Ibadat. Selepas pembacaan seperti biasa, mereka yang bertugas mengajak Paulus dan Barnabas untuk mengongsikan beberapa perkara dengan mereka.

Paulus mengambil peluang ini untuk memberikan satu ucapan yang padat dan meyakinkan.



Orang ramai meminta Paulus untuk kembali mengajar di minggu hadapan.



Paulus bersetuju dan kembali mengajar di minggu yang berikutnya.



Tetapi kali ini mereka menentang setiap kata-kata Paulus.

Orang ramai merayu agar Paulus dan Barnabas kembali mengajar di minggu yang akan datang. Ramai orang Yahudi dan bukan Yahudi mengikut ajaran Paulus dan Barnabas yang mengajar bahawa kasih kurnia Allah hanya ada di dalam Yesus Kristus.

Kis 13:44 Pada hari Sabat berikutnya, hampir semua orang di bandar itu datang mendengar firman Tuhan.⁴⁵ Apabila orang Yahudi melihat orang ramai itu, mereka iri hati. Mereka menentang kata-kata Paulus dan menghina dia.

⁴⁶ Tetapi Paulus dan Barnabas berkata-kata dengan lebih berani lagi. Mereka berkata, "Firman Allah memang harus disampaikan kepada kamu terlebih dahulu. Tetapi kerana kamu menolak firman-Nya, dan menganggap diri kamu tidak layak menerima hidup sejati dan kekal, kami akan meninggalkan kamu lalu pergi kepada bangsa lain.

⁴⁷ Hal itu demikian kerana inilah perintah yang diberikan oleh Tuhan kepada kami, 'Aku sudah menetapkan supaya kamu menjadi cahaya bagi bangsa bukan Yahudi, dan melalui kamu, Allah akan menyelamatkan seluruh dunia.'

Setelah orang bukan Yahudi mendengar perkara ini, mereka merasa gembira dan diberkati. Ramai di antara mereka yang mempercayai firman Allah dan menerima keselamatan. Apabila orang Yahudi melihat terdapat ramai orang bukan Yahudi yang mengikut Paulus dan Barnabas, mereka menjadi semakin cemburu.

Ikonium

Derbe
Listra

Antiochia Pisidia
Atalia ● Perga



Terdapat gereja kecil di Antiochia Pisidia.

Mereka menghasut wanita-wanita agama yang berpengaruh dan juga para pemimpin kota untuk menentang Paulus dan Barnabas serta menghalau mereka keluar dari kota.

Kis 13:51 Rasul-rasul itu **mengebaskan debu pada kaki mereka** di hadapan orang di situ sebagai amaran, lalu pergi ke Ikonium.⁵² Tetapi pengikut-pengikut Yesus di Antiochia sangat bersukacita dan mereka dikuasai oleh Roh Allah. Selepas itu terdapat sebuah gereja kecil di Antiochia Pisidia.



Paulus dan Barnabas mengebaskan debu di kaki mereka sebelum pergi.

Memahami Kisah

1. Gereja Antiochia Siria dipimpin oleh Roh Kudus untuk mengutus Paulus dan Barnabas ke perjalanan penginjilan bersejarah ini. Injil kini dibawa ke negara-negara bukan Yahudi dengan pimpinan Roh Kudus.
2. Ketika Injil ditolak oleh orang Yahudi di Antiochia Pisidia, Paulus dan Barnabas memutuskan untuk membawa Injil kepada orang bukan Yahudi.

Soalan untuk Perbincangan

1. Pada pendapat anda mengapakah Saulus mula menggunakan nama Romanya iaitu Paulus?

2. Mengapakah Yohanes Markus meninggalkan mereka dan apakah perasaan Paulus dan Barnabas?

3. Apakah yang boleh kita pelajari daripada kisah ini? _____

Informasi menarik

Antiochia Siria

Antiochia Siria dibina pada tahun 300 Sebelum Masihi oleh Seleucus Nicator yang juga merupakan salah seorang panglima Alexander Agung. Pada tahun 64 Sebelum Masihi, ia ditambah masuk ke dalam Empayar Roma oleh Pompey. Antiochia Siria menjadi kota ketiga terbesar di dalam Empayar Roma selepas Roma dan Alexandria. Ia adalah kota kosmopolitan yang terletak di kawasan strategik untuk perdagangan di antara Barat dan Timur Laut Tengah.

Seleucus Nicator membawa sebilangan Yahudi ke dalam kota, memberikan mereka hak serupa dengan orang Yunani. Orang Siria, Yunani, Yahudi dan juga Roma merupakan golongan tersebut. Di sinilah panggilan "Kristian" mula digunakan untuk merujuk kepada pengikut Kristus.